

Azman Hashim lawat GAH di UMS

Mengangkat landskap ekosistem seni lukis serta pendidikan seni kepada masyarakat serta pelukis berbakat di Sabah

UB 23.04.2022 P.08

TAN Sri Azman Hashim salah seorang tokoh pengusaha terkenal dan dihormati di Malaysia dan luar negara, kerana usah beliau membangunkan syarikat kewangan Bank Arab Malaysian yang menjadi gedung kewangan terkenal di seluruh dunia.

Lahir di Kampung Baru, Kuala Lumpur, salah satu penempatan asli masyarakat Melayu yang terkenal di celah metropolitan Kuala Lumpur.

Pernah menjalankan usaha niaga berbagai jenis, namun kepakarannya sebagai seorang pegawai bank asing menjadikan beliau sangat berminat meneroka industri perniagaan kewangan dengan membuka perniagaan sendiri.

Usaha yang jarang diterokai anak Melayu ketika itu menjadikan beliau seorang entrepreneur disegani dan menjadi buah mulut seluruh nusantara.

Perniagaan kewangan beliau semakin hari semakin maju sehingga banyak lagi cawangan bank berkembang di seluruh tanah air, begitu juga rangkaian yang berjaya dengan perniagaan perbankan.



CATATAN
KANVAS KOKAK

DR BAHARUDIN
MOHD ARUS

Kepujian serta anugerah yang diterima beliau berdasarkan usahawan dan kebajikan yang dibuktikannya kepada masyarakat sangat banyak dan tidak dapat disenangi satu persatu, namun sebagai tokoh perniagaan terkenal di Malaysia, beliau menjadi salah seorang idola perniagaan, pakar ekonomi, pemimpin seni, pendidikan dan ahli sosialisme yang tersebar kepopularannya.

Azman Hashim tokoh philanthropis terkenal negara ini dengan derma dan bantuan dalam semua bidang kemasyarakatan, salah satunya melalui melihat berbinanya sebuah galeri seni visual dalam kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dinamakan Galeri Azman Hashim sempena nama beliau yang membelanjakan lebih RM15 juta untuk merrealisasikan berbinanya institusi seni lukis yang mengangkat martabat seni visual dan seni budaya kontemporer dan etnik yang terkenal di negeri Sabah, khasnya dan Borneo amnya, satu hari nanti lebih-lebih lagi hubungan antarabangsa akan berlau dengan ibu negara Indonesia yang baru Nusantara di Kalimantan akan berlaku.

Rakyat Sabah dan warga UMS sebagai universiti tertinggi Negeri Bawah Bayu sangat menghargai usaha membina sebuah galeri seni visual dan pendidikan oleh Tan Sri Azman Hashim, dikhabarkan juga bahawa UMS adalah penerima ketiga selepas Universiti Kains Malaysia Pulau Pinang, dan Universiti Kebangsaan Malaysia Kuala Lumpur.

Kewujudan galeri yang serba cantik ini bukan

bantuan dalam semua bidang kemasyarakatan, salah satunya melalui melihat berbinanya sebuah galeri seni visual dalam kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dinamakan Galeri Azman Hashim sempena nama beliau yang membelanjakan lebih RM15 juta untuk merrealisasikan berbinanya institusi seni lukis yang mengangkat martabat seni visual dan seni budaya kontemporer dan etnik yang terkenal di negeri Sabah, khasnya dan Borneo amnya, satu hari nanti lebih-lebih lagi hubungan antarabangsa akan berlau dengan ibu negara Indonesia yang baru Nusantara di Kalimantan akan berlaku.

untuk menandingi galeri kerajaan Balai Seni Lukis Sabah kerana fungsi serta matlamat pembinaannya adalah berlainan. Namun, bila beroperasi sepenuhnya Galeri Azman Hashim (GAH-UMS) akan mengangkat landskap ekosistem seni lukis serta pendidikan seni kepada masyarakat serta pelukis berbakat di negeri Sabah.

Pada 28 Mac 2022 bersamaan hari Isrin, jam 5 petang, Tan Sri Azman Hashim selaku seorang ProCanselor UMS dan datang meninjau hasil kerja beliau bagi kali pertamanya sejak dibina dan siap beroperasi sebagai galeri pada tahun 2022 disambut kakitangan galeri serta pegawai pentadbir tinggi UMS Sabah.

Sebagai seorang yang menyokong utama seni dan budaya, Tan Sri Azman Hashim sangat berminat terhadap seni visual dan be liau sendiri menjadikan seorang



ALBUM: Kurator Jemputan dan ahli PSVS, Dalman Bona, Norsiah, Mastini dan Binjal bergambar kenangan di GAH.



GALERI: Penulis kurator, Azman Hashim dan Raya Erom bergambar selepas lawatan lukisan Mengimbau Dunia.



TERBAIK: Sarlona J Gindung, Raya Erom dan Azman Hashim sedang berbincang.

pengumpulan karya seni yang serius di mana terdapat banyak karya terkenal oleh

pelukis tempatan dan luar negara dalam koleksi beliau

BINCANG: Pengarah GAH, Sarlona mempersembahkan sesuatu kepada Azman Hashim dan Naib Canselor UMS ketika lawatan itu.



BICARA: Kurator jemputan Dr Baharudin, Sarlona Gindung bersama Naib Canselor UMS dan Azman Hashim berbicara di pameran solo Raya Erom.



MINAT: Kurator tamu dan Azman berbicara semasa lawatan di GAH.



INFORMASI: Dr Baharudin Arus, kurator jemputan sedang menerangkan lukisan kepada Azman Hashim.



SANTAI: Suasana semasa majlis jamuan meraikan sempena lawatan Azman Hashim ke GAH.



SEN: Datuk Hajah Raya Erom diperkenalkan kepada Azman sebagai pelukis solo dalam GAH.*

Maka tidak hairan apabila beliau membina sebuah galeri di institusi pengajian tinggi saterpi UMS yang juga mempunyai fakulti seni tertubuh lebih 20 tahun lalu.

Kedatangan beliau di bangunan tersergam Galeri Azman bertentuk sebuah silindrik umpama sebuah gong yang sangat dominan terletak di atas sebuah bukit berdepan dengan Telok Likas menghidangkan satu

panorama yang sangat menarik terutama di waktu senja bagi peminat "Sunset" atau sang mentari melalui untuk berada dengan terdapat sebuah menara menjunjung di tengahnya sebagai tempat memerhati landskap.

Setibanya di dewan pameran Mengimbau Dunia, beliau disambut Datuk Hajah Raya Erom, seorang usahawan wanita serta filantropis yang mempamerkan karya pastelbeliau sebanyak 26 karya bertemakan flora dan fauna Negeri di Bawah Bayu.

Untuk kepentingan informasi dan pernyataan seni, Tan Sri Azman Hashim diiringi dan ditemani oleh Dr Hj Baharudin Mohd Arus, penulis serta kurator jemputan kepada Galeri Azman Hashim.

Penulis telah menerangkan dengan terperinci setiap karya hasil lukisan Datuk Raya Erom kepada Tan Sri Azman Hashim beberapa pertanyaan yang serius telah diajukan kepada penulis, namun setiap pertanyaan serta diskusi berkaitan karya dalam pameran Mengimbau Dunia dapat diperjelas untuk penghantaran para pelawat tetamu kehormat pada petang tersebut.

Setelah meninjau beberapa ketika, Datuk Raya Erom juga dapat memberikan beberapa fakta berkaitan karya beliau kepada Tan Sri Azman Hashim.

Setelah puas melawat pameran Mengimbau Dunia, beliau seterusnya telah bergerak ke sebuah lagi ruang Kalimaran, pameran dalam galeri tersebut buat meninggalkan sebuah pameran koleksi bekas graduan dari fakulti ASTiF atau Akademi Seni Teknologi dan Kreatif beliau sangat tertarik beberapa karya yang menarik termasuk karya Prendy Jose kebanggaan aluminia ASTiF yang sangat berjaya di peringkat kebangsaan dengan memenangi beberapa pameran tempatan.

Tan Sri Azman Hashim juga dibawa meninjau beberapa kawasan seni bina Galeri Azman Hashim bagi memastikan matlamat pembinaan bangunan tersebut mencapai piawaian yang diingini oleh beliau semasa meneroka setiap ceruk bangunan tersebut beliau diiringi oleh ketua jurutera berserta rombongan pembantu mereka untuk informasi yang mutakhir.

Di samping itu sebagai peminat seni suara Tan Sri Azman Hashim telah mendendangkan tiga lagu dalam majlis yang diadakan bagi mengangkuhan hujungan yang julting kalinya ke Galeri Azman Hashim yang agak meriah dan melibatkan satu kerensua oleh seorang filantropis dan Pro-Canselor dengan pegawai serta pelajar Universiti Malaysia Sabah.